

Headline	Jodoh kami kuat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	25	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	860 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,153
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,459



JODOH KAMI

# Jodoh kami kuat

Oleh NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA

**P**ERTEMUAN pertama di bilik mesyuarat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Lendu, Melaka empat tahun lalu hanyalah berkisarkan tentang kolaborasi pengajian antara dua institusi pengajian tinggi (IPT).

Tiada siapa di antara pasangan ini menyangka itulah detik yang mencipta bait-bait perkenalan antara mereka sehingga membawa ke alam rumah tangga.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif INSPIN, Datuk Abdul Rahim Abu dan isterinya, Timbalan Pendaftar Kanan UITM Melaka, Datin Nor Mottahatti Mat Noor masing-masing mengakui

keajaiban jodoh dan takdir yang mempertemukan mereka.

Bagi Nor Mottahatti, kehidupan sebagai ibu tunggal berlandaskan sumber kekuatan tiga anak berusia antara 20 hingga 27 tahun serta kerjaya yang baik memadai untuknya meneruskan kehidupan ketika itu.

Bagaimanapun akunya, pertukaran tugas dari UITM Shah Alam ke UITM Melaka pada tahun 2010 telah mengubah kehidupannya kini.

Perkenalan singkat sekitar Oktober 2010

dengan Abdul Rahim telah membawa pasangan ini ke jenjang pelamin pada 25 Disember 2010.

Katanya, ketulusan dan keikhlasan hati Abdul Rahim yang melamarnya tanpa berselindung telah membuka pintu hatinya untuk kembali berumah tangga.

"Dia mengajak saya bertemu di luar untuk melakukan perbincangan.

Pada fikiran saya, perbincangan hanya berkisarkan tentang kolaborasi yang ingin dilakukan.

"Tanpa saya duga, dia bersikap berterus-terang dan terbuka untuk mengenali saya dengan lebih rapat seterusnya berhasrat untuk memperistikan saya.

"Saya tiada kenalan untuk bertanya tentang dia. Hanya Rektor UITM Melaka ketika itu, Prof. Madya Datuk Dr. Mizan Hitam yang saya kenal.

Alhamdulillah banyak perkara positif yang saya dengar daripadanya," katanya.

Hasil perkahwinan terdahulu, Nor Mottahatti dikurniakan tiga anak iaitu Wan Nur Syafiqah, 27; Mior Mohamed Ridzwan, 26, dan Wan Nur Nadiyah, 20.

Untuk memastikan hubungan yang bakal dibina sentiasa bahagia dan direstui, bagi Nor Mottahatti, persetujuan daripada anak-anak dan keluarga menjadi keutamaan.

Abdul Rahim pula berkata, dia dapat merasakan bahawa Nor Mottahatti adalah jodoh kurniaan ilahi buatnya apabila mendapat petunjuk daripada mimpi pada malam sebelum dia bertemu dan menyatakan hasrat kepada Nor Mottahatti.

Katanya, jalan yang diberikan Allah SWT begitu

**ABDUL Rahim Abu (kanan) dan Nor Mottahatti Mat Noor bergambar sambil menunjukkan tanda sayang di Ayer Keroh Melaka di sini hari ini.**



GAMBAR persandingan antara Abdul Rahim Abu dan Nor Mottahatti Mat Noor bersama anak-anak dan keluarga.

mudah untuknya termasuk perbincangan bersama anak-anak serta pertemuan dengan keluarga Nor Mottahatti.

"Syukur, inilah jodoh yang Allah berikan kepada saya, saya ingat lagi pesanan bekas Ketua Menteri Melaka, katanya kalau saya ingin mencari isteri, biarlah orang ini boleh menjaga saya.

"Saya rasa memang inilah jodoh saya dan apabila saya terlupa memakai sarung kaki, isteri saya ini akan menegur dan mengingatkan saya.

"Syukur Nor Mottahatti merupakan isteri yang sangat baik dan bertanggungjawab," katanya.

Menjalani kehidupan bersama bagaikan syurga buat pasangan ini, kata Abdul Rahim, biarpun dia kini sudah tidak lagi bekerja, namun dia tetap memberikan kepercayaan penuh setiap kali membenarkan isterinya keluar bekerja serta sentiasa menyokong kerjaya isterinya sehingga kini.

"Ramai yang berkata, tempoh berkenalan

dengan isteri dikatakan terlalu singkat. Malah ada rakan-rakan di peringkat awal bertanyakan tentang keputusan kami untuk berkahwin. Kesemua itu kami anggap sebagai satu dorongan bagi membuktikan jodoh kami kuat," ujarnya.

Alhamdulillah, katanya, kehidupan mereka dari awal perkahwinan sehingga kini penuh dengan kasih sayang, saling percaya, sentiasa memahami dan menyayangi bagaikan telah lama menjalani kehidupan bersama.

"Kunci kebahagiaan dalam melayari bahtera rumah tangga adalah setiap suami isteri mestilah saling mempercayai," katanya ringkas.

Hasil perkahwinan terdahulu Abdul Rahim dikurniakan sembilan anak iaitu Muhd. Fakhru Anwar, 38; Nur Azeeyatti, 37; Muhd. Fakhru Ridzuan, 36; Nur Haillyatti, 35; Muhd. Fakhru Fadly, 34; Muhd. Fakhru Adly, 33; Nurul Huda, 32; Muhd. Fakhru Hilmy, 31, dan Nur Atiqah, 30.



JODOH Abdul Rahim Abu dan Nor Mottahatti Mat Noor amat kuat sehingga mereka sepakat mendirikan rumah tangga.